

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 52 RABU 30 DISEMBER 1970 1390 رابو 2 ذوالقعدة PERCHUMA

ORANG2 YANG DI-BARISAN² DEPAN DALAM PENGAJARAN UGAMA ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Hj. Serudin berkata guru2 ugama merupakan orang2 yang berdiri di-barisan hadapan terhadap perkembangan pendidikan dan pengajaran ugama Islam di-negeri ini.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu berkata demikian dalam satu kursus 'sa-hari' guru2 ugama Daerah Brunei/Muara dan Temburong serta Daerah Belait yang berlangsung baru2 ini di-Daerah2 itu.

Beliau menerangkan guru2 ugama-lah yang berhadapan sa-chara langsung dengan murid2 serta orang2 dewasa dan mereka-lah lebeh tau masa'alah yang di-hadapi mereka dalam menjalankan tugas sa-hari2.

Kata-nya, Guru2 Ugama merupakan pemimpin dalam bidang ugama yang sering merasakan pahit maung mahupun manis dan gembira-nya.

Beliau juga menekankan harapan-nya supaya guru2 ugama jangan bersifat sombong dan bongkak, jangan-lah angkuh dalam perjalanan, jangan-lah berchakap mengada2 tetapi hendak-lah berchakap dengan hormat dan tidak sia2, sederhana dalam kehidupan dan sa-terus-nya.

"Saya berfikir jika guru2 ugama berpegang dengan nasehat2 Luqman kepada anak-nya seperti yang di-firmankan oleh Allah, maka saya percha-ya guru2 ugama akan berjaya dalam menjalankan tugas2 mereka dengan baik sa-bagai pendidik dan pengajar kepada murid2 sekolah mahupun orang2 dewasa dan kepada anggota masyarakat yang ada di-sekeliling guru2 ugama", tegas-nya.

Menyentuh mengenai pendidikan dan pengajaran ugama Islam di-negeri ini sa-lepas perang dunia kedua, beliau menerangkan perkembangan itu mulai terator dalam pertengahan tahun lima puluhan dan dalam menghadapi tahun2 berikut-nya pendidikan dan pengajaran ugama Islam menemopoh berbagai2 masa'alah.

"Alhamdulillah dengan terbentok-nya Surohanjaya Pelajaran, maka beberapa masa'alah penting dan chadangan2

bagi mengatasi masa'alah itu telah di-kemukakan".

Ini ia-lah bertujuan untuk membaikan lagi perjalanan chara2 mencapai suatu mutu pendidikan dan pengajaran ugama Islam sesuai dengan kehendak perlembagaan dan hasrat D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, tambah-nya.

Berchakap mengenai kerja2 menyempurnakan mayat, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu menyeru kepada guru2 ugama perempuan supaya mengetahui sa-chara praktikal chara2 menchuchi mayat kerana tenaga mereka sangat2 di-kehendaki khas-nya di-tempat2 jauh dari bandar.

Kata-nya, Kerajaan telah melantek beberapa orang perempuan bagi menyelenggarakan kerja menyuchikan mayat perempuan tetapi hanya di-tempatkan di-bandar2 sedangkan orang2 yang mati bukan hanya di-bandar2.

Beliau juga menyeru guru2 ugama lelaki supaya mempelajari kerja menyuchi mayat itu untuk membantu pegawai2 masjid.

Akhir-nya beliau mengingatkan pegawai2 di-bahagian pelajaran ugama supaya menyusun rancangan untuk tahun 1971 di-samping rancangan lain yang telah di-tentukan.



Y. B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Md. Zain.

Kursus Belia dan Ugama

TUTONG. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin telah merasmikan perjumpaan jawatankuasa dan pegawai mesjid Daerah Tutong di-Dewan Sekolah Inggeris Tutong pada hari Isnin lepas.

Dalam ucapan di-majlis itu salin dari menyatakan peranan pegawai2 mesjid beliau juga menyatakan bahawa Jabatan Hal Ehwal Ugama ada-lah mengambil perhatian di-atas pergerakan belia2 di-negeri ini kerana tenaga belia2 dan juga persatuan2 belia tidak dapat di-abai.

Malahan mereka memerlukan pimpinan dan bimbingan yang jujur bagi menuju ka-arrah kebajikan yang di-redhai oleh Allah, tegas beliau.

Beliau berkata, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyediakan rancangan yang di-namakan Kursus Belia dan Ugama pada tahun 1971.

Beliau menerangkan bahawa rancangan itu antara lain akan memberikan cheramah2 berhubung dengan kegiatan2 belia dan persatuan2 belia termasuk-lah kegiatan mereka dalam bidang ugama.

Turut juga memberi ucapan di-ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh dan Kadhi Daerah Tutong, Abang Razali bin Abang Haji Zainudin.

Sa-ramai 141 orang perwakilan dari 13 buah mesjid di-daerah itu telah menghadiri perjumpaan itu.

Cheramah Tafsir Al-Quran mulai 2 Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan memulakan Cheramah Tafsir Al-Quran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan mulai 2 Januari, 1971.

Cheramah tersebut akan di-adakan pada tiap2 hari Sabtu malam Ahad sa-lepas sembahyang fardhu Maghrib.

Yang Bermormat Pehing Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin dan Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz akan memulakan cheramah pada hari itu.

Orang ramai khas-nya kaum muslimin ada-lah di-persilakan hadir ka-majlis cheramah tersebut.

698 penderma darah akan menerima pingat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 698 orang penderma darah di-seluruh negeri akan menerima pingat2 dan lenchana dalam awal bulan depan.

Sa-orang juruchakap Pejabat Perubatan dan Kesihatan ketika menyatakan perkara ini berkata, bahawa pingat2 dan lenchana2 itu akan di-berikan kepada penderma2 darah dari bulan April 1968 hingga bulan September 1970.

Juruchakap itu berkata, hadiah2 itu ada-lah berupa pingat emas bagi penderma2 darah di-antara 12 hingga 16 kali, pingat perak untuk penderma2 yang menderma di-antara 6 dan 11 kali manakala lenchana2 akan di-hadiahkan kepada mereka yang menderma darah lima kali dan ka-bawah.

Juruchakap itu berkata, sa-ramai 428 orang penderma darah ia-lah dari Bandar Seri Begawan dan 270 orang dari kawasan Kuala Belait/Seria.

Dari jumlah 428 orang penderma di-Bandar Seri Begawan itu, dua orang akan menerima pingat emas, 21 orang akan menerima pingat perak dan 405 orang menerima lenchana.

Di-Kuala Belait/Seria pula, sa-ramai 7 orang akan menerima pingat emas, 40 orang pingat perak dan 223 orang lenchana.

Juruchakap itu berkata, tarikh dan tempat penyampaian itu akan di-umumkan kelak.

GETAH — Pengenalan dan penanaman-nya di-Brunei

(sambongan minggu lepas)

OLEH ALI HAJI HASSAN

KETIADATETAPAN harga getah dalam pasaran dunia juga mempengaruhi jumlah hasil pengeluaran getah di-Brunei, tetapi walau bagaimanapun ia-nya tidak mempengaruhi usaha2 penanam-nya kerana jumlah kawasan yang di-tanami dengan getah sa-makin bertambah banyak. Hingga pada tahun 1929, jumlah kawasan yang sudah di-tanami dengan getah adalah di-taksirkan sa-banyak sembilan ribu ekar termasuk ladang2 besar kepunyaan sharikat orang2 Eropah.

Dalam tahun yang sama jumlah pengeluaran getah sudah meningkat lebih daripada sa-ribu tan sa-tahun. Ketiadatetapan harga getah telah menyebabkan kadang kala-nya peladang2 kecil berhenti daripada menoreh kebun2 getah mereka, dan hanya akan menoreh sa-mula apabila harga getah meningkat naik. Keadatan ini berlanjutan sa-hingga meletus perang dunia kedua.

Dalam tahun 1930an, disebabkan ketiadatetapan harga getah dalam pasaran dunia, negeri2 pengeluar getah telah mendirikan sa-buah badan antarabangsa untuk mengawal pengeluaran (khas-nya jumlah yang hendak di-ekspot) dan dengan itu akan menetapkan harga getah dalam pasaran dunia.

★ ★ ★

Badan ini mengeluarkan peratoran2 menurut SISTEM QUOTA, dengan-nya tiap2 negeri pengeluar getah mempunyai had bagi ekspot getah-nya untuk pasaran dunia. Had ini berbeza menurut keadaan pasaran dari sa-tahun ka-sa-tahun. Bagi Brunei, peratoran2 antarabangsa itu telah di-kenakan mulai 1934.

Kedatan pokok dan kualiti pengeluaran-nya yang tidak memuaskan, terutama sa-kali di-kalangan peladang2 kecil, telah berlanjutan hingga penghujung tahun 1930an. Kerajaan, demi mengatasi dan memperbaiki taraf pengeluaran getah di-Brunei, telah berusaha untuk mendapatkan perkhidmatan daripada sa-orang pegawai dari Lembaga Penyelidikan Getah Malaya (RUBBER RESEARCH INSTITUTE OF MALAYA).

Lembaga tersebut telah ber-setuju meminjamkan sa-orang dari pegawai-nya dan beliau telah datang ka-Brunei dalam tahun 1937. Sejak kedatangan pegawai LPGM itu baru-lah perusahaan getah Brunei mencapai kemajuan yang me-

muaskan. Sementara itu Kerajaan juga telah menghantar anak2 tempatan untuk mendapatkan latihan dari Maktab Pertanian Serdang, Selangor. Salah satu tindakan penting yang telah di-ambil oleh pegawai LPGM itu adalah menjunkkan kepada penanam2 getah tempatan bagaimana dan betapa menguntungkan pengeluaran getah asap jika dibandingkan dengan getah yang sedang di-keluarkan mereka sa-belum itu.

Getah asap ada-lah lebih mahal daripada getah basah dalam pasaran dunia, dan oleh yang demikian, jika mereka mengusahakan pengeluaran getah asap sudah tentu pendapatan mereka akan bertambah dan kehidupan mereka juga bertambah ma'amor.

★ ★ ★

Tindakan ini telah mendatangkan kejayaan yang cemerlang dan boleh di-buktikan dengan jumlah "rumah asap" yang boleh di-dapati di-Brunei pada penghujung tahun 1937 ia-itu sa-banyak 212 buah, berbanding dengan 18 buah "rumah asap" dalam bulan Januari, 1937. Sejak itu pengeluaran getah asap juga telah meningkat berlipat-ganda banyak-nya.

Menyentuh tentang kesihatan pokok2 getah di-negeri ini, penyakit yang sering di-kemukakan oleh peladang2 ialah CHENDAWAN LAPOK (dalam bahasa Inggeris-nya MOULDY ROT (Creatostomell Afimbriata), tetapi penyakit itu mudah di-atasi dengan menggunakan ubat BRUNOLIUM PLANTARIUM yang boleh di-dapati dari Jabatan Pertanian. Bagi menentukan samada penyakit2 lain seperti penyakit kumbang kabai (Cockchafer grub pest) dan OIDIUM HEVEA, satu penyelidikan telah di-jalankan oleh Kerajaan, dan pada kesudahannya telah terbukti bahawa penyakit2 tersebut tidak terdapat di-Brunei.

Berikut ini terdapat sa-buah daftar menunjukkan hasil perusahaan getah di-Brunei dari tahun 1914, apabila ia-nya mula2 di-ekspot sa-hingga tahun 1941, apabila penghasilan getah tergendala akibat peperangan Dunia Kedua. (Hasil usaha getah di-Brunei ini ada-lah di-anggap sa-bagai jumlah ekspot getah dari Brunei kerana semua getah itu di-ekspot di-sebabkan pengguna-

an-nya dalam negeri tidak ada).

Tahun	Kuantiti di-ekspot (dalam sukatan TAN)	Harga (dalam \$)
1914	3.14	1,160
1915	25.02	60,103
1916	53.68*	142,711
1917	87.87*	284,919
1918	(+)	
1919	191.89	243,596
1920	153.03	314,733
1921	88.66	82,217
1922	141.51	91,104
1923	373.06	363,200
1924	475.67	387,793
1925	600.00	1,318,217
1926	650.00	1,032,055
1927	700.00	892,627
1928	535.00	581,265
1929	1,027.00	742,999
1930	870.00	377,927
1931	725.00	161,204
1932	639.21	104,899
1933	1,013.50	236,249
1934	1,611.00	671,970
1935	1,343.00	576,159
1936	1,312.00	790,703
1937	1,770.00	1,240,995
1938	(+)	
1939	(+)	
1940	(+)	
1941	2,069.57	1,758,824

Tahun 1942 hingga 1945 merupakan waktu pemerintahan tentera Jepun, dan oleh kerana tidak terdapat angka2 yang tertentu, maka boleh-lah di-anggarkan bahawa pada masa itu perusahaan getah di-Brunei telah tergendala, dan jika ada pun penghasilan getah ia-nya ada-lah di-bawah arahan pemerintah Jepun yang berkuasa ketika itu. Di-waktu perang tadi, kebanyakan daripada ladang2 dan kebun2 getah di-Brunei telah terbiar begitu sahaja, tetapi untong-nya hanya sedikit sahaja kerosakan yang telah di-alami akibat kekurangan penjagaan tadi.

★ ★ ★

Apabila tamat perang, perusahaan getah di-Brunei telah di-bangunkan sa-mula hingga dalam tahun 1950 jumlah pengeluaran getah di-Brunei telah meningkat lebih daripada dua ribu lima ratus tan sa-tahun. Jumlah yang paling tinggi dalam sejarah pengeluaran getah di-Brunei ada-lah 2,558 tan dalam tahun 1950. Sejak itu ia-nya mulai merosot hingga pada tahun 1968 ia-nya telah jatuh menjadi 170.63 tan sahaja. Jika di-bandingkan dengan pengeluaran getah dalam tahun2 sa-belum Peperangan Dunia Kedua ia-nya kurang daripada jumlah pengeluaran tahun 1919.

Pada tahun2 kebelakangan tiga buah ladang2 besar kepunyaan sharikat2 telah di-beli oleh Kerajaan. Ladang2 itu ada-lah LABU ESTATES,

GADONG ESTATES dan BERAKAS ESTATES. Di-antara ladang2 besar dalam negeri ini hanya ladang2 di-Batu Apoi dan Biang dalam Daerah Temburong yang masih di-miliki oleh pekah persendirian dan kedua2-nya di-miliki oleh orang China.

Ada beberapa faktor yang telah menyebabkan kemerosotan perusahaan getah Brunei sa-lepas perang dunia kedua. Satu daripada-nya ia-lah kejatohan harga getah dalam pasaran — mitalnya jika di-bandingkan harga getah dalam tahun 1950 ada-lah lebih kurang \$2.70 sa-kati (\$2.00 sa-paun), tetapi harga getah sekarang hanya lebih kurang 50 sen sa-kati sahaja.

Projek2 perkembangan yang sa-makin pesat di-jalankan itu telah menarik penduduk2 luar bandar berduyun2 pindah ke-sana kerana dengan bekerja di-projek2 itu mereka akan mendapat pendatapan yang jauh bedza-nya jika dibandingkan dengan pendapatan mereka kalau mereka bertani atau mengusahakan kebun2 getah mereka. Faktor2 lain termasuk-lah perihai pokok2 getah yang ada sekarang ini kebanyakan-nya sudah tua dan oleh yang demikian sudah kurang hasil-nya. Mungkin chabutan berikut ini akan dapat menggambarkan dengan lebih jelas lagi tentang kemerosotan perusahaan getah di-Brunei.

".....Kemerosotan pengeluaran getah ada-lah di-sebabkan gaji yang tinggi di-tawarkan oleh kerajaan dalam kerja2 pembinaan jalan raya, pokok2 getah tua yang kurang penghasilan-nya, dan harga getah yang murah dalam pasaran...."

Daftar berikut ini menunjukkan hasil pengeluaran getah pada tahun2 sa-lepas Perang Dunia Kedua 1946-1948.

Tahun	Kuantiti di-ekspot (dalam sukatan TAN)	Harga (dalam \$)
1946	871.81	781,145
1947	1,799.12	1,282,214
1948	2,037.11	1,594,635
1949	1,638.12	1,220,892
1950	2,558.05	6,154,169
1951	2,405.00	8,036,992
1952	1,780.00	—
1953	1,168.61	1,699,347
1954	882.08	1,180,896
1955	1,441.54	3,569,958
1956	1,350.60	3,877,662
1957	1,152.49	2,180,496
1958	1,023.27	1,717,889
1959	1,646.68	3,509,986
1960	2,155.68	5,067,140
1961	1,763.00	3,076,110
1962	1,436.87	2,154,190
1963	1,226.13	1,756,890
1964	1,188.00	1,599,101
1965	828.00	1,178,557
1966	664.00	888,342
1967	429.34	278,947
1968	170.63	176,815

(LIHAT MUKA 6)

Allah Subahanahu-wata-ala telah berfirman di-dalam kitab suci Al-Quran Al-Karim di-surah Al-Haj ayat 27 yang bermaksud:

"Dan maklumkan-lah kepada manusia ia-itu supaya mereka akan datang kepada engkau dengan berjalan kaki mengindahkan kenaikan, mereka itu datang dari sa-genap jalan yang jauh".

Ada-lah menjadi kenyataan bahawa pada sa-tiap tahun, Kota Mekah di-banjiri oleh umat Islam dari sa-genap penjuru dunia, dari jauh dan dekat dengan menyeberangi lautan, melintasi gunung pasir, melalui gunung2 dan sa-bagainya. Mereka itu datang men-

Peraduan hadzrah

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Persatuan Badan Hadzrah Tunas Raja Muda akan meng-anjarkan peraduan Hadzrah dan membaca sajak di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dalam bulan Februari tahun depan.

Setia Usaha jawatankuasa yang menganjarkan peraduan itu, Awangku Aji bin Pengiran M. Tahir berkata, peraduan2 itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia; badan2 kebajikan, maktab2; sekolah2; kampung2 dan orang2 persaorangan di-Daerah Brunei dan Muara.

Ia-nya di-adakan sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Adha.

Borang2 untuk memasokinya boleh di-dapati dari Awangku Zainal bin Pengiran Bustaman, Jabatan Pelajaran; Awangku Mohamed Pengiran Sarpudin, Jabatan Bandaran; Awangku Patera bin Pengiran Yassin, Jabatan Odit. Awangku Tajuddin Pengiran Mohamed, Jabatan Hal Ehwal Uga-ma dan Awangku Aji bin Pengiran M. Tahir, Kampong Pekan Lama, Bandar Seri Begawan. Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 28 Januari, 1971.

Kutipan zakat fitrah meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Majlis Ugama Islam Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengutip wang fitrah dari umat Islam seluruh negeri berjumlah lebih lapan puluh tujuh ribu ringgit.

Wang fitrah itu di-kutip selama bulan puasa baru2 ini dan sa-bahagian dari wang itu telah di-bahagikan kepada fakir miskin dan muaf.

Sa-jumlah lebih \$52,000.00 telah di-kutip di-Daerah Brunei-Muara, lebih \$20,000.00

ziarahi Baitullah, kiblat umat Islam untuk menunaikan fardhu haji, yang mana mengerjakan haji ada-lah menjadi salah satu rukun dalam ugama Islam.

Mereka itu terdiri dari berbagai2 bangsa dan warna kulit, dengan menggunakan bermacam2 bahasa dan chara hidup, tetapi kesemua-nya berkumpul dan bersatu di-bawah lindungan ka'abah untuk menyembah Tuhan yang maha esa dan menunaikan fardhu haji.

Menurut firman Tuhan dalam surah Al-Emran ayat 96 dan 97 yang bermaksud:

"Bahawa sesungguhnya rumah pertama (ka'abah) yang di-buat untuk beribadat bagi manusia ia-lah yang di-Mekah, di-beri berkat dan pimpinan untuk semesta alam, di-situ terdapat keterangan2 yang ayat seperti makam Nabi Ibrahim siapa yang masuk ka-dalam-nya ia beroleh keamanan, Allah mewajibkan kepada manusia mengerjakan haji ia-itu orang yang berkuasa mengadakan perjalanan kepada-nya dan siapa yang tidak beriman sa-sungguh-nya Allah kaya dari alam semesta."

Bagi bakal2 haji kita yang menaiki kapal laut telah pun meninggalkan tanah ayer dan

sementara bakal2 haji yang menaiki kapal terbang akan bertolak tidak berapa lama lagi. Mereka itu semua-nya dengan niat yang suci menuju ka-Mekah untuk menyempurnakan ibadat fardhu haji ia-itu salah satu rukun dalam ugama kita. Berbahagia-lah mereka, semoga Tuhan memberkati mereka.

Sabener-nya menurut maksud sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. bahawa ibadat haji yang mambur (yang di-terima oleh Tuhan) tidak ada balasan yang lain kecuali shorga atau dengan perkataan lain Tuhan menyediakan shorga sa-bagai balasan kepada sa-seorang Islam yang menunaikan fardhu haji dalam mana ibadat-nya itu di-terima oleh Tuhan.

Untuk mencapai maksud kita ia-itu mendapat keredhaan Tuhan, termasuk-lah supaya ibadat haji di-terima oleh Tuhan, maka ada-lah sangat penting bagi umat Islam, khas-nya orang2 yang akan menunaikan fardhu haji mengetahui dengan sempurna-nya rukun2 dan sharat2 ibadat tersebut seperti **Ehram, Tawaf, Sa'ae,**

Ukuf Melontar, berchukor, Tahalul dan sa-umpama-nya, kerana dengan mengetahui rukun2 dan sharat2 ibadat haji itu kita dengan niat yang suci akan merasakan bahawa ibadat kita itu dapat di-lakukan dengan sempurna-nya.

Oleh yang demikian, adalah di-nasihatkan kepada umat Islam, khas-nya bakal2 haji supaya mengulang-kaji rukun2 dan sharat2 serta yang sa-umpama-nya berhubung dengan ibadat haji itu.

Ada-lah di-perchayai bahawa dengan menunaikan ibadat haji, sa-seorang Islam itu akan mendapat kesan yang mendalam yang mana dengan kesan yang di-dapati-nya itu sa-seorang haji itu akan lebih takwa-nya kepada Tuhan dan akan lebih menjaga diri-nya daripada melakukan sa-suatu yang melanggar perintah Tuhan. Oleh itu ada-lah di-do'a-kan kepada Allah semoga kita umat Islam ini akan mendapat taufik dan hidayah daripada-Nya agar kita menjadi orang yang takwa ia-itu sentiasa mengikut perintah Allah dan menjauhi segala larangan-nya.

IBADAT HAJI YANG DI-TERIMA OLEH TUHAN

KHUTBAH JUMA'AT

**ADA-LAH BAIK BAGI BAKAL2 HAJI SUPAYA
MENGULANG-KAJI RUKUN2 DAN SHARAT2
BERHUBONG DENGAN IBADAH HAJI ITU.
MUDAH2AN SEMPURNA-LAH KITA TUNAikan
IBADAH YANG DI-LAKUKAN ITU.**

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 30 Dis. 1970 hingga ka-hari Selasa 5 Jan. 1971 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
30 Dis.		12-28	3-45	6-21	7-39	4-52	5-09	6-27
31 Dis.		12-28	3-45	6-21	7-39	4-52	5-09	6-27
1 Jan.		12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
2 Jan.		12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
3 Jan.		12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
4 Jan.		12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
5 Jan.		12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



30hb. Disember, 1970.

SELAMAT TAHUN BARU

Tahun 1970, sa-bagaimana juga dengan tahun2 yang meninggalkan kita, juga meminta kita sa-kurang2-nya untuk mengenang kembali jasa baik-nya. 70 juga meminta kita menerima 71 dengan penuh perhatian dan jika ada yang kurang sa-waktu 70 berkhidmat, maka jika mungkin di-chukapkan untuk melihinkan khidmat 71 yang pasti menjelang ini.

Tetapi, tidak shak lagi bahawa 1970 telah banyak membekalkan kita dengan beberapa peristiwa penting.

Dari segi pentadbiran Kerajaan telah kita ikuti perubahan2 yang besar seperti perantaraan2 Y.B. Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, dan Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama.

Awal Februari, 1970 telah kita saksikan istiadat mengarak bagi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar dan dalam bulan November lepas Yang Teramat Mulia itu telah di-kurniakan tauliah kehormat sa-bagai Lef-tenan Kolonel dalam pasokan AMDB.

Yang lebih penting lagi ialah kejayaan perundingan di-London antara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Kerajaan Baginda Queen. Persetujuan telah di-chapai untuk menempatkan tentera Kerajaan Baginda Queen di-Brunei untuk beberapa waktu yang di-tetapkan dan dengan yang demikian keselamatan dan ketenteraman di-ne-geri ini akan terus terjamin.

Maka dengan terjamin-nya keselamatan dan ketenteraman itu, segala projek2 yang di-laksanakan untuk faedah negara dan rakyat akan dapat berjalan lancar. Bagi pihak rakyat pula akan sentiasa merasa kesesuaian hidup dan bebas menjalankan kegiatan2 yang berkebhajikan untuk meninggikan taraf hidup masing2.

Sapertimana hasrat D.Y.M.M. dan sa-bagaimana yang selanjut di-sabdakan oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan bahawa Brunei memerlukan rakyat yang berilmu pengetahuan, jujur dan amanah untuk melihinkan pentadbiran Kerajaan dan mengekalkan kemakmoran negara.

Kerajaan Baginda telah menepati maksud itu dengan perlantikan dua orang anak tempatan yang berkelakayan dan berkebolehan untuk melaksanakan tanggung-jawab yang berat terhadap bangsa, ugama dan negara. Mereka ia-lah Y.B. Timbalan Menteri Besar dan Y.B. Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama.

Bagitu juga dengan Y.B. Setia Usaha Kerajaan, sa-orang yang berpengalaman luas dalam pentadbiran dan berkelulusan pentadbiran dari luar negeri.

Dengan pertolakan 1970 itu, maka tidak shak lagi, pada tahun2 berikut-nya akan timbul anak2 tempatan untuk duduk di-barisan depan sesuai dengan hasrat Baginda yang suchi itu.

Renchana khas:

MENGALU2KAN TAHUN 1971

USA, akan ternganga-lah pintu tahun 1971 untuk mempersilakan kita masok ka-dalam-nya. BESOK kita di-lepaskan oleh tahun 1970 dengan anika perasaan dan keadaan. 1970 yang membekalkan orang dan merubah keadaan atas sa-suatu akan di-sebut2 sa-bagai tahun chemerlang. Bagi orang yang dapat kechemerlangan itu akan di-abadikan dalam buku2 chatetan atau di-rakam kekal dalam ingatan, dan bagi keadaan atas sa-suatu akan di-chatet dalam buku2 ingatan atau sa-umpama-nya. Demikian-lah sa-tiap pergi-nya tahun lama dan datang-nya tahun baru. Ini ada-lah merupakan kebiasaan yang hakiki yang sa-panjang masa tidak akan tergugat, malah bagitu lancar jalan-nya. Orang bagitu senang mengingati apa yang telah berlaku ka-atas diri-nya dan kadang2 bagitu sukar untok melupakan, walau pun telah di-chuba melupakan-nya. Namun demikian, banyak juga orang yang lupa atas sa-suatu yang telah terjadi itu, hatta yang penting bagi diri-nya.

Bagi yang dapat mempelajari bendongan tahun 1970 atau kekurangan-cherahan, akan memenongkan-nya dengan dalam dan menchari2 jalan keluar untok mengatasi bendongan2 itu dengan harapan 71 akan benar2 ujud dengan Nombor Satu-nya tidak lagi SIPAR atau angka kosong pengakhir 1970 itu. Harapan ini banyak terdapat pada pelajar2 yang gagal dalam tahun 1970, Bagitu juga bagi orang2 yang lain yang di-katakan dalam perjuangan hidup akan mengharapakan 1971 itu dapat mengatasi kesulitan2-nya dan menempatkan-nya ka-barisan yang paling depan sekali yang di-mulai dengan hitungan satu juga yang berarti berjaya. Dan untok berjaya pula, dia harus bersedia belajar dan menyedari kelemahan2 diri-nya serta bersedia pula mengatasi kelemahan2-nya itu. Ini-lah puku-pangkal jika benar2 mau berjaya. Bersedia belajar dan bersedia sedar akan kelemahan-nya — kemudian dengan gigih dan penuh hati2 mengatasi semua itu, maka di-yakini ia akan tetap berjaya.

Untok belajar dan mengetahui kelemahan2 diri itu tidak-lah dapat di-timbulkan oleh diri sendiri, melainkan dengan pertolongan orang lain. Tidak banyak orang yang tahu dimana letak kelemahan-nya itu apa lagi bagi orang yang memang tidak mengakui akan kelemahan-nya. Di-sini-lah perlunya bantuan orang lain itu. Ada berbagai2 chara untok mengetahui kelemahan kita itu sama ada melalui tegoran2 lisan, pembachaaan, pemerhatian, kekuatan fikiran, kesediaan dan sa-umpama-nya. Sa-sudah itu, maka pertimbangan kita pula amat perlu, dan ada-lah tidak berfaedah jika hanya kita ditegor, membacha, memerhati sedangkan semua itu tidak lekat dalam hati dan jiwa kita.

Untok kebaikan, maka kita harus menerima pandangan2 orang lain dan mempelajarinya. Jika benar pandangan2 orang itu sa-chuchok dan baik untok di-praktikkan, maka harus-lah kita berterima kaseh dengan harapan semoga sumbangan2 fikiran yang demikian akan di-berikan lagi. Jika ti-

dak sa-chuchok, ada-lah baik juga kita terima sa-bagai pengetahuan. Kerana yang tidak baik pada hari ini, mungkin baik pada masa akan datang. Demikian-lah sikap yang sa-baik2-nya menurut fikiran kita.

Oleh yang demikian, maka kita chuba pula membicharkan tentang kedudukan asas ruangan lidah pengarang akhbar ini bagi mengambil sempena menjelang-nya tahun 1971. Ruangan tersebut sentiasa mengemukakan pandangan2 yang tidak terlepas dari dasar Kerajaan sesuai dengan sifat-nya sa-bagai akhbar rasmi Kerajaan, walau pun kita akui maseh banyak kekurangan-nya.

Namun demikian dari pandangan2 itu ada-lah serba mungkin telah menggamit perasaan dan menimbulkan berbagai2 chara sambutan-nya. Ada-lah di-sedari bahawa di-antara sambutan2 itu, maka tidak semua-nya yang merasakan kelegaan, tetapi mungkin dirasakan kegelisahan juga. Di-samping itu pula, maka harus-lah terlebih dahulu kita akui bahawa kesilapan2 itu ada-lah menjadi kebiasaan bagi manusia. Oleh kerana itu, maka sa-bagai sifat kita manusia, kita juga tidak lari dari kesilapan2 tersebut terutama-nya pada yang di-luar pengetahuan dan terlindung pada pandangan kita. Namun demikian, tujuan ruangan ini di-adakan, ada-lah semata2 untok kebaikan bagi mendukung hasrat kita bersama — hasrat yang di-chintai oleh semua pihak ia-itu untok mengujudkan suasana yang benar2 sesuai dengan yang sering di-sebut terhadap negara kita ia-itu Brunei Darussalam. Perkataan Brunei Darussalam itu ada-lah membawa pengertian sa-bagai Brunei yang aman dan makmor. Menghuraikan maksud2 yang di-kehendaki dan samesti-nya ujud untok mengukoh dan meninggikan nilai2 aman dan makmor itu, maka hal itu ada-lah merupakan tanggung-jawab kita bersama — penduduk dan rakyat yang berlinggong dan mengakui negeri ini sa-bagai negeri tumpah darah mereka.

Di-bahu raayat dan penduduk negeri ini-lah terletak-nya pudar cherah-nya nilai2 keamanan dan kemakmoran itu. Oleh yang demikian jika raayat dan penduduk negeri ini tidak mengindahkan atau lalai-leka dari mengingati tanggung-jawab mereka itu, maka serba mungkin hasrat yang bagitu baik tidak akan terlaksana dan perlambangan yang di-buat terhadap negeri kita ini ia-itu "Darussalam" tidak akan membawa pengertian apa2. Maka untok membantu menamakan kesedaran ini-lah, ranchangan ini di-timbulkan. Timbul-nya ranchangan ini pula, tidak sa-mesti-nya di-isikan dengan sa-suatu yang menyebabkan semua orang mulut ternganga ketawa besar kerana terlalu girang — dan tidak sa-mesti-nya juga menyebabkan orang beramas muka lalu marah2. Apa yang sa-benar-nya menjadi tujuan ialah sa-molek-nya mendengar, memandang, meneliti — kemudian jika benar2 pasti barulah bertindak. Demikian falsafah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim pada menghadapi sa-suatu yang timbul dan di-timbulkan di-hadapan kita. Bahkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta ayahanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dalam titah2 dan sabda2 yang pernah kita dengar dan membacha dalam radio dan surat2 khabar tempatan, telah menekankan betapa penting-nya semua pihak di-ne-geri ini menjaga dan memperelok keamanan dan kemakmoran itu. Dan untok ini, raayat dan penduduk negeri ini telah diseru supaya bekerjasama untok membantu mengujudkan suasana yang menyebabkan sa-sebuah negeri hidup dalam lingkungan kebahagiaan dan kedamaian itu.

Berhubung dengan pengertian "aman" itu, maka telah terdapat pentafsiran2 yang bersalahan benar. Sa-tengah2 orang mentafsirkan-nya sa-

(Lihat Muka 5)

MENGALU2KAN TAHUN 1971

(Dari Muka 4)

bagai bukan tanggung-jawab orang ramai, bahkan jurusan itu ada-lah menjadi tanggung-jawab bulat2 kepada Kerajaan. Maka bila soal ini di-se-rahkan kepada orang ramai, di-manakah letak-nya tanggung-jawab kerajaan itu?..... Kesilapan pada pendapat ini amat ketara benar dan ternyata tidak akan sukses tujuan kita bersama itu, selagi golongan yang demikian tidak dapat di-perbaiki chara mereka berfikir.

Bahawa ada-lah memang benar untuk menjaga dan meninggikan nilai2 keamanan itu tergantung kepada inisiatif yang di-laksanakan oleh Kerajaan dengan melalui projek2 yang di-ujudkan. Kerajaan tidak pernah menafikan tanggungjawab ini, malah telah di-tunjukkan berbagai2 projek yang di-fikirkan dapat menjamin nilai2 keamanan itu. Perbelanjaan yang begitu besar telah di-utorkan bagi tujuan tersebut. Kerajaan telah berikhtiar mengukuhkan pasukan polis dan askar di-negeri ini yang tugas utama mereka ia-lah untuk mengawal keamanan supaya sentiasa terpelihara dengan baik. Terpelihara dari sebarang kegiatan2 yang jahat yang di-katakan merosakkan keamanan itu. Perkhidmatan2 perubahan dan kesihatan semakin di-perelok menurut tuntutan keadaan dan hampir semua tempat2 dan kawasan2 yang ramai bilangan penduduk-nya telah di-bekalkan dengan perkhidmatan tersebut sapertimana yang dapat di-nikmati sekarang. Pusat2 pendidikan juga mengambil tempat yang penting untuk di-besarkan dan di-perkukuhkan dengan mengharapakan hasil yang benar2 dapat menampung kehendak2 negeri dengan ramai bilangan raayat yang berilmu. Usaha2 yang besar ka-araf ini, amat jelas di-lihat sekarang, yang bukan hanya dengan bangunan2 pusat2 pendidikan yang indah2, tetapi bakal meluaskan orang2 yang berilmu yang selari dengan keindahan bangunan2 itu, malah lebih indah daripada-nya. Kerana itu, tertuboh-lah Surohanjaya Pelajaran yang pada kesimpulan-nya akan melaksanakan ikhtiar2 untuk menchipta sistem pelajaran di-negeri ini yang lebih kukuh dan lebih sempurna.—Gerakan2 kebajikan berjalan dengan lancar dan dalam hal ini kita telah menyaksikan dan menikmati gerakan2 kebajikan itu yang antara-nya tidak terdapat dalam negara2 yang lain di-dunia ini. Kerana itu, Brunei kerap kali mendapat julukan dari orang2 luar sebagai negara kebajikan.

Itu-lah garis2 besar dari usaha2 kerajaan untuk memelihara keamanan itu. Oleh yang demikian, maka usaha2 itu ada-lah untuk raayat dan sa-bagai penghargaan dari raayat pula hanya-lah di-harapkan sumbangan kerjasama untuk menyambut usaha2 yang demikian. Maka ada-lah merupakan tanggung-jawab kita pula untuk menikmati usaha2 yang besar itu dan mengisikan dengan sa-baik2-nya, kerana hal itu ada-lah untuk kita, tetapi bukan untuk orang lain. Untuk mengukuhkan agar tidak tergugat kepentingan2 untok anak bangsa kita itu, maka harus-lah pula kita, keseluruhan-nya, sama2 mengawal suasana yang aman itu dari di-binasakan. Kalau suasana aman itu telah di-charik2, maka segala yang kita nikmati akan turut koyak-rabak. Hal ini telah pernah kita alami pada masa yang lalu, dan sa-harus-nya kita sudah dapat belajar dari peristiwa yang pernah kita lalui itu.

Mengenai dengan kemakmoran, maka telah lumrah diketahui bahawa kita chukup makmor yang puncha-nya dari penghasilan minyak yang merupakan hasil pendapatan negara yang paling besar sekali. Kita tidak mempunyai hasil2 negara yang lebih besar dari itu. Kalau di-kira dari bilangan penduduk, maka kita ada-lah terjemulah dan dapat di-katakan sebaya atau sa-taraf dengan negara2 yang termakmor di-dunia sekarang ini.

Amat jelas bahawa kita lebih merasa nikmat dengan hidup bersenang2 dan membiarkan tulang delapan kerat kita menikmati kerehatan yang berpanjang2an, malah sa-hingga tua, tulang delapan kerat itu tidak pernah bermesra dengan kelelahan atau dengan kerja2 yang chukup nikat untok menjamin kemakmoran kita itu.

Mungkin timbul dakwaan2 yang menyaratkan tentang ketiadaan gelanggang untok menggerakkan tenaga itu dengan penoh berarti. Maka jika ada, hal ini ada-lah mendukachitakan. Sa-jauh ini kerajaan telah memberi peluang sa-luas2-nya untok kita menggunakan bumi yang terbentang di-negeri ini, malah sa-bilangan besar raayat telah memperoleh tanah sa-hingga berpuluh2 ekar. Tetapi sayangnya, tanah2 itu sa-olah2 di-miliki untok menyelamatkan lalang dari ranap di-mamah changkul dan jentera pembajak yang moden. Bahkan yang lebih mendukachitakan ia-lah sa-bahagian dari tanah2 itu di-tumboh dengan batu-bata yang indah2 dan lain2-nya

yang tidak dapat membantu kerajaan untok mengadakan hasil bumi yang chukup untok negeri ini, apa lagi untok mengelak dari mengharapakan bantuan2 luar.

Satu sudut yang menarek juga ia-lah keadaan kita sendiri yang kebanyakan-nya lebih chenderong makan gaji dari menchipta khidmat kepada tanah, walaupun tanah itu sedia ada. Kebanyakan kita menganggap bahawa makan gaji itu lebih mudah untok mendapatkan wang yang chukup terjamin, sedangkan berkhidmat kepada tanah, hasilnya tidak sa-berapa dan tenaga terlalu banyak di-gunakan, disamping tidak selari dengan tuntutan2 sara hidup yang amat tinggi sekarang.

Kenapa-kah hal ini berlaku?.....Tidak lain tidak bukan, ia-lah kerana penghasilan tidak menchipta. Jika kita dapat menchipta penghasilan yang chukup, maka kemahalan2 itu tidak akan terdapat. Jika tenaga kita kuat berusaha dan menggunakan sa-baik2-nya tanah2 yang ada sekarang dan mengeluarkan hasil2 yang banyak, maka kita tidak akan melarat sa-demikian rupa.

Oleh itu, dengan dada yang terbuka, kita harus mengakui kesilapan2 itu dan harus pula memikirkan yang kemakmoran kita itu sentiasa dalam ancha-man, lebih2 lagi bila sudah

minyak kering dari perut bumi kita ini. Kita tidak harus lika dengan nikmat yang ada, tetapi harus memandang jauh ka-depan akan kemungkinan2 pahit yang akan timbul.

Di-sini-lah penting-nya kita memikirkan soal kemakmoran itu. Jika kita mahu kemakmoran itu berpanjangan untok kekal menjadi lambang negara kita ini, maka kita harus mengubah sikap dari membiarkan diri lika dengan kesenangan yang ada kepada satu sikap yang gigih melaksanakan usaha2 yang lebih berarti untok mengawal dan memelihara kemakmoran itu. Ada-lah salah bagi kita membiarkan hal2 yang di-sebutkan itu kepada inisiatif kerajaan saja, sedangkan kita hanya berpelok tuboh — indah tah indah. Sedangkan kerajaan dan raayat ada-lah sa-umpama kepala dan kaki — jika kepala berfikir untok berjalan, maka kaki siap sedia untok melangkah. Jika kaki lumpoh, maka kepala hanya boleh bergiling dan teranggok2 tanpa maana.

Oleh yang demikian, maka tahun 1971 ini akan membawa kecheraan dalam sa-genap lapangan dan mudah2an usaha2 yang lebih bermanna akan dapat di-timbulkan dengan penoh nikat untok sama2 membangun negara dan bangsa dan mengukuhkan kesuchian Umma Islam yang menjadi Umma Rasmi negeri ini.



Persekutuan Guru2 Melayu telah mengadakan majlis perpisahan bagi meraikan dua orang pegawai Jabatan Pelajaran yang telah bersara baru2 ini.

Mereka itu ia-lah Awang Mohd. Yusof bin Ampuan Daud, bekas Nazir Sekolah Melayu.

Antara yang hadir dalam majlis tersebut termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Pa-

duka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohammad Alam, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof dan pegawai2 jabatan pelajaran.

Gambar atas menunjukkan Yang Di-Pertua Persekutuan Guru2 Melayu, Awang Shahbuddin bin Salleh sedang menyampaikan sa-buah chenderamata kepada Awang Mohammad Yusof bin Ampuan Daud.



Satu kursus bagi guru2 agama di-Daerah Belait telah di-adakan sa-lama sa-hari di-masjid Mohammad Jamalul Alam Kuala Belait baru2 ini.

Kira2 100 orang guru dan pegawai agama di-daerah itu telah mengambil bahagian dalam kursus tersebut. Beberapa cheramah telah di-sampaikan antara lain oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y. B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri dan Penguasa Pelajaran Agama, Awang Abdul Hamid bin Bakal (gambar atas). Sementara gambar atas kiri ia-lah sa-bahagian dari guru2 agama yang telah menghadhiri kursus tersebut.



Langkah2 bagi menchegeh penyakit demam tipus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan telah mengambil langkah untuk menchegeh merebak-nya demam tipus di-bandar itu.

Tutong akan mempunyai rumah sakit moden

TUTONG. — Daerah Tutong akan mempunyai sa-buah rumah sakit yang baru, apabila pembenaan rumah sakit yang di-chadangkan itu siap, dalam bulan March, 1972.

Kerja permulaan ka-atas tapak bagi rumah sakit itu, telah pun di-mulakan.

Sharikat Ho Kwong Yew, pereka bentuk rumah sakit itu, juga akan mengawasi pembenaan-nya bagi pihak kerajaan.

Rumah sakit baru itu yang mengandungi blok pentadbiran, tempat2 tinggal bagi kakitangan, di-anggarkan menelan belanja satu juta ringgit.

Ia-nya di-bena di-atas kawasan sa-luas 11 ekar.

Rumah sakit baru itu juga, akan mempunyai bilek bagi ibu2 yang mengandong dan beranak, bilek pesakit2 lelaki dan perempuan, dapur tempat menchuchi kain.

Mashuarat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Hadzrah Tunas Raja Muda ringkas-nya Bahteramu akan mengadakan mashuarat agong tahunan-nya pada 8 Januari yang akan datang di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan mulai jam 8.00 pagi.

Setia Usaha Agong persatuan itu, Awangku Mohamed bin Pengiran Saripudin berkata, di-antara agenda2 yang akan di-binchangkan dalam mashuarat itu ia-lah ranchangan untuk membena rumah persatuan itu dan memilih ahli2 jawatankuasa baru.

MASHUARAT AGONG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin bin Pengiran Haji Abdul Momin minggu lalu telah merasmikan pembukaan mashuarat agong tahunan Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama di-Bandar Seri Begawan.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera telah menyeru kepada ahli2 persatuan itu supaya bekerjasama antara satu sama lain bagi faedah persatuan itu dan kampung mereka.

Beliau juga menyeru persatuan itu supaya memberi ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan kerajaan baginda.

Di-antara mereka yang beruchap ia-lah Yang Di-Pertua persatuan itu Awang Sulaiman bin Puteh dan Ketua Kampong Sultan Lama Awang Haji Umar bin Duah.

Nama2 ahli J/K yang telah dipilih dalam mashuarat itu di-siarkan di-muka 8.

Majlis jamuan untok kanak2

KUALA BELAIT. — Kelab Recreation Kuala Belait akan mengadakan majlis jemuatan Hari Raya dan Keristmas bagi anak2 ahli-nya di-kelab itu di-Kuala Belait pada pukul 4.00 petang 2 Januari, 1971.

Setiausaha kelab itu Awang Shamsuddin bin Anang berkata, majlis jemuatan itu ada-lah bagi kanak2 yang berumur di-bawah dua belas tahun.

Awang Shamsuddin berkata, tiap2 sa-orang anggota di-benarkan menghantar tiga orang anak ka-majlis itu.

Kanak2 itu akan menerima hadiah2 yang berupa gula2 dan barang2 permainan. Tayangan wayang gambar juga akan di-adakan.

Awang Shamsuddin meminta kepada semua ahli2 yang mempunyai anak supaya menghantarkan nama2 anak2 mereka.

Beliau juga menyatakan bahawa di-sebelah petang-nya satu lagi majlis jemuatan bagi ahli2 kelab itu sendiri dan temu2 jempunan akan di-adakan.

Mashuarat agong PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan PERKASA Kampong Saba telah mengadakan mashuarat agong tahunan-nya di-rumah persatuan tersebut di-Kampong Saba pada minggu lalu.

Ia-nya di-pengerusikan oleh penasihat persatuan, Awang Abdul Latif bin Mohamed dan mashuarat telah memilih pegawai2 baharu bagi anggota jawatankuasa tahun 1971.

Antara lain mashuarat itu telah membinchangkan berbagai kegiatan, dan projek yang di-ranchangkan akan di-laksanakan tahun depan.

Mashuarat itu juga telah mende ngarkan laporan mengenai kemajuan2 dan perkembangan yang di-chapai oleh persatuan itu sepanjang tahun ini.

GETAH—Pengenalan dan penanaman-nya di-Brunei

(Dari muka 2)

Bagi penuntut-nya bolehlah di-katakan bahawa sa-lagi harga getah dalam pasaran dunia tidak meningkat, kawasan2 baru yang di-tanami dengan pokok2 getah, pokok2 yang tua di-gantikan dengan yang baru dan usaha2 penorehan di-kendalikan dengan penoh, sa-lagi itu perusahaan getah di-Brunei akan terus merosot dan mungkin juga akan lenyap dengan sendiri-nya. Di-sebalek itu juga apabila pro-

jek2 perkembangan yang sedang berjalan dengan pesat dewasa ini selesai kelak, buroh2 tempatan yang kini bekerja di-dalam projek itu mulai kembali ka-kawasan kampung masing2 dan mengusahakan samula kerja2 bertani; getah sabagai satu tanaman jualan yang penting mungkin akan tampil ka-hadapan sa-mula, sa-bagai satu sumber pencharian kaum tani di-negeri ini. Walau bagaimana pun hanya masa yang akan dapat menentukan-nya.



Kanak2 sakit terima hadiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis kerana menyambut Hari Raya dan Christmas bagi pesakit2 di-ward kanak2 Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan telah di-adakan pada minggu lepas.

Sa-ramai 42 orang kanak2 telah menerima hadiah yang berupa pakaian, mainan dan gula2 yang di-sampaikan oleh sa-orang kaki tangan rumah sakit, Awang Charlie Keasberry yang berpakaian sabagai bapa Christmas.

Di-antara yang hadir di-majlis itu ia-lah Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Setia Dr. P.I. Franks, Puan Patricia Thorne isteri kepada Ketua Surohanjaya Tinggi British, doktor2 dan jururawat2.

Latehan menembak

Platoon meriam katak Askar Melayu Di-Raja Brunei sedang mengadakan latehan menembak di-kawasan Bintauran hingga 31 Disember ini dari pukul 7.30 pagi hingga 4.00 petang.

Peluru2 hidup di-gunakan semasa latehan itu dan orang ramai terutama sekali penduduk2 kawasan Bintauran di-minta supaya menjauhkan diri dari kawasan latehan itu.

Gambar atas menunjukkan salah sa-buah sekolah yang telah mengambil bahagian dalam peraduan tarian adai2 yang telah di-adakan di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Peraduan yang julong2 kalinya di-anjorkan oleh Sekolah2 Rendah Melayu Brunei Satu itu telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Pintu Malim.

Sa-banyak tujuh buah sekolah dari Daerah Brunei-Muara telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Tawaran ketiga bagi projek bekalan ayar di-K.B.

KUALA BELAIT. — Kerajaan telah menerima tender Shariat Bersekutu Kejuruteraan bagi pembekalan jentera pengepam dan pemberseh ayer untuk ranchangan bekalan ayer di-Kuala Belait dan Seria dengan menelan belanja kira2 satu perpulohan dua juta ringgit.

Ini ada-lah kontrek ketiga bagi projek itu.

Kontrek kedua ia-lah bagi bekalan dan pemasangan paip yang termasuk bekalan paip2 ukoran 18 dan 10 inchi yang jumlah jarak-nya sa-jauh 20 batu.

Jawatan Kosong Sa-bagai Pembantu2 Makmal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenuhi jawatan2 kosong sebagai Pembantu Makmal di-Jabatan Pelajaran, Brunei, untuk bertugas di-Sekolah2/Maktab2 yang di-nyatakan di-bawah:-

1. **Maktab Latehan Perguruan Brunei yang baru.** — 1 kosong.
2. **Sekolah Inggeris Berakas** — 1 kosong.
3. **Sekolah Inggeris Tutong** — 1 kosong.
4. **Maktab SOAS** — 1 kosong (Lelaki).
5. **Maktab Anthony Abell, Seria** — 1 kosong (Lelaki).
6. **Sekolah Menengah Melayu, Jalan Muara** — 4 Kosong.
7. **Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong** — 1 Kosong.
8. **Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait** — 1 kosong.

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.

Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang mumpu-

nyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia-lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan cekap.

Tugas:

Memelihara persediaan barang2 makmal. Menyediakan kerja2 perhubungan. Memperbaiki dan memelihara alat2 makmal dan juga lain2 pekerjaan yang di-fikirkan perlu oleh Pengetua.

Gaji:

Dalam sukatan gaji DI-2-3 EB 4 — \$210x10-270x15-360x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantek:

Chalun2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan, akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari 1971.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



LAGI DUA ORANG PENUNTUT BRUNEI MENDAPAT IJAZAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang penuntut Brunei telah pulang ka-tanah ayer sa-telah tamat pengajian mereka di-United Kingdom.

Mereka ia-lah Awangku Bahrin bin Pengiran Haji Abas yang mendapat ijazah Master of Law di-University College, London dalam bulan Jun tahun ini, dan Dayang Masni binte Mohamed Ali dengan ijazah Bachelor of Science dalam jurusan Microbiology di-University of Surrey, juga dalam bulan Jun tahun ini.

Semasa belajar kerana ijazah Master of Law, Awangku Bahrin juga mengambil peperiksaan Barrister of Law di-Gray's Inn, London dan lulus dalam tahun 1969. Beliau lulus dan mendapat ijazah Bachelor of Law dalam tahun 1968 di-University of Birmingham dan menjadi penuntut Brunei pertama memperolehi ijazah Master of Law.

Dayang Masni sa-telah tamat pengajian-nya telah mengambil kursus praktik dalam bidang diagnostics bacteriology dan virology di-Saint Luke Hospital, microbiology di-Sekolah Perubatan Tropika-London dan yang terakhir di-Shigella Reference Laboratory di-Collindal.

Kedua2 orang itu ada-lah bekas penuntut Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan dan mereka melanjutkan pelajaran atas biasiswa kerajaan. Brunei.

Gambar kanan menunjukkan Y.A.M. Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin dan Awang Haji Omar (di-tengah2). Di-sebelah kanan sekali ia-lah Awang Md. Zain bin Haji Omar dan di-kiri sekali ia-lah Pengiran Wahab.



196 orang masok pereksa G.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 196 orang chalun akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Am dalam bulan depan.

Peperiksaan itu akan diadakan di-Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Mata2 pelajaran ia-lah Ilmu Alam, Sejarah, Seni Lukis,

Bahasa Inggeris, Fisik, Kemistri, Biology dan Sains Kesihatan.

Peperiksaan itu akan dimulakan pada 4 Januari dan tamat pada 27 Januari 1971.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, 130 orang chalun akan mengambil peperiksaan di-Maktab SOAS di-Bandar Seri Begawan dan yang lain2-nya di-Maktab Anthony Abell di-Seria.

Penerimaan COD hingga 2.00 petang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Pos Besar di-Bandar Seri Begawan tidak akan menjual mengeluarkan "Money Order" sa-lepas pukul 2.00 petang esok, hari Khamis, 31 Disember.

Pejabat Pos juga tidak akan menerima atau menghantar bungkusan2 COD atau membuat urusan berhubung dengan simpanan

wang sa-lepas pukul 2.00 petang esok.

Penutupan tempat penerimaan Money Order dan COD itu lebih awal daripada biasa ia-lah untuk membolehkan penutupan kunci kira2 penghujung tahun.

Sa-orang juruchakap Pejabat Pos berkata, bagaimana pun tempat penerimaan surat2 yang berdaftar dan penjualan setem akan di-buka seperti biasa hingga ka-pukul 4.00 petang esok.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian daripada guru2 Agama dari Daerah Brunei-Muara dan Temburong yang telah menghadiri kursus yang di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama.

Kursus yang berlangsung selama sa-hari itu telah di-adakan di-Madrasah JHEU, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

KA-PULAU PINANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang kanak2 buta, Dayang Faridah binte Mahmood akan berlepas ka-Pulau Pinang, Malaysia pada hari Sabtu ini, 2 Januari, 1971 untuk menuntut di-sekolah kanak2 buta di-sana.

Pesuruhjaya Kebajikan, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Md. Salleh bin Haji Masri menyatakan bahawa usaha untuk menghantar Dayang Faridah itu ada-lah langkah pertama jabatan-nya untuk menghantar kanak2 buta bersekolah di-luar negeri.

Dayang Faridah akan menuntut di-Sekolah St. Nicholas, Pulau Pinang ia-itu sekolah dan asrama untuk kanak2 buta.

Dalam perjalanan ka-Pulau Pinang, Dayang Faridah akan diiringi oleh Dayang Naemah binte Haji Md. Yusof, sa-orang pegawai di-Jabatan Kebajikan.

Ahli2 J/K baru Persatuan PAPP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Bulia Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Tajuddin bin Pengiran Haji Abdul Momin dan Ketua Kampong Sultan Lama, Awang Haji Omar bin Duah telah di-pilih sa-bagai penasihat/penaung Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama.

Mereka itu telah di-pilih dengan sa-bulat suara dalam mashuarat agong tahunan yang telah di-adakan pada minggu lepas.

Ahli2 jawatankuasa tadbir bagi tahun 1971 ada-lah seperti berikut:

Pengerusi Tetap: — Awang Zaini bin Haji Omar, **Yang Di-Pertua:** Awang Md. Zain bin Haji Omar, **Timbalan Yang Di-Pertua:** — Awang Md. Salleh bin Aliakhtar, **Setia Usaha Agong:** — Awang Sulaiman bin Puteh, **Timbalan Setia Usaha Agong:** — Awang Md. Daud bin Taha.

Bendahari Agong: — Awang Md. Tahir bin Bakir, **Timbalan Bendahari Agong:** — Awang Abdul Ghani bin Haji Ahmad; **Seksi Sokan dan Permainan:** — Awang Tuah bin Metussin, **Seksi Kesenian dan Kebudayaan:** — Awang Harun bin Md. Dom, **Seksi Kebajikan:** — Pengiran Wahab bin Pengiran Kambar, **Seksi Wanita:** — Dayang Aminah binte Md. Yassin, **Seksi Pertukangan:** — Pengiran Sulaiman bin Pengiran Yusof.

Awang Baha bin Md. Tahir, Awang Abd. Wahab bin Abd. Latif dan Awang Abdullah bin Besar telah di-pilih sa-bagai ahli2 jawatankuasa.